



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 29 April-2 Mei 2023 (Sabtu-Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Kes Dera: KPWKM Bantu Daftar Kelahiran Adik Tiri Mangsa Dera – Nancy</p> <p>https://tvstv.my/2023/05/01/kes-dera-kpwkm-bantu-daftar-kelahiran-adik-tiri-mangsa-dera-nancy/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/pkmd-johor-bahru-bantu-daftar-kelahiran-adik-tiri-kanak-kanak-maut-akibat-didera/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/04/wanita-dera-anak-hingga-mati-dibebaskan-dengan-jaminan-polis/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-empat-tahun-maut-dipercayai-didera-ibu-kandung-dan-bapa-tiri-417412</p>	<p>TVSTV</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Edisi 9</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	<p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/29/kanak-kanak-4-tahun-mati-disyaki-didera-ibu-bapa-tiri/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/663596</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/29/kanak-kanak-empat-tahun-maut-didera</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2185092</p>	<p>Kosmo</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Bernamea</p>	
2	<p>Bayi Baru Lahir Ditemukan Tepi Pagar Kilang, Ada Kesan Gigitan Serangga</p> <p>https://selangorkini.my/2023/04/bayi-baru-lahir-ditemukan-tepi-pagar-kilang-ada-kesan-gigitan-serangga/</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/04/29/bayi-baru-lahir-ditemukan-tepi-pagar-digigit-serangga-di-kuantan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-baru-lahir-ditinggal-bawah-pokok-417438</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256268/berita/s-emas/bayi-baru-lahir-ditinggal-bawah-pokok</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=PjwCe5S5so4</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/29/bayi-dihurung-kerengga-ditemukan-di-kuantan/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/29/bayi-baharu-lahir-ditinggalkan-di-atas-pangkin/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/62508-bayi-baru-lahir-dengan-kesan-gigitan-serangga-ditemukan</p> <p>https://suarasarawak.my/bayi-baru-dilahirkan-ditemukan-dengan-kesan-gigitan-serangga/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2185140</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Majoriti</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Bernamea</p>	Negatif

3	<p>Ribut Di Perlis, 39 Rumah Rosak</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/62457-ribut-di-perlis-39-rumah-rosak</p>	Berita RTM	Neutral
4	<p>Kes Keempat Kanak-Kanak Lemas Akibat Kelalaian Penjaga</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/962139/kes-keempat-kanak-kanak-lemas-akibat-kelalaian-penjaga</p>	Harian Metro	Negatif
5	<p>Warga Emas, Bayi Dan Kanak-Kanak Berisiko Tinggi Ketika Cuaca Panas</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1095164/warga-emas-bayi-dan-kanak-kanak-berisiko-tinggi-ketika-cuaca-panas</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62489-kenal-pasti-strok-haba-pada-kanak-kanak</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=O3n4VCUZm3Q</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=EVWO6wScVo8</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=ttUmiJDzFmU</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/cuaca-panas-warga-emas-bayi-dan-kanak-kanak-berisiko-tinggi/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita RTM</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
6	<p>Ibu Tidak Sedar Kanak-Kanak Tiga Tahun Lemas Dalam Kolam Renang</p> <p>https://tvstv.my/2023/05/01/ibu-tidak-sedar-kanak-kanak-tiga-tahun-lemas-dalam-kolam-renang/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/01/lagi-kes-kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-renang-di-tambun/</p>	<p>TVSTV</p> <p>FMT</p>	Negatif
7	<p>Kanak-Kanak Maut Jatuh Dari Tingkat 11</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/961324/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-11</p>	Harian Metro	Negatif

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/256182/berita/s emasa/kanak-kanak-maut-jatuh-tingkat-11-kuarters-polis</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-empat-tahun-maut-jatuh-dari-tingkat-11/</p> <p>https://www.thesundaily.my/home/kanak-kanak-empat-tahun-maut-jatuh-tingkat-11-kuarters-polis-AJ10913355</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>The Sun Daily</p>	
8	<p>Bayi Perempuan Baru Lahir Ditemui Di Belakang Kenderaan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1095019/bayi-perempuan-baru-lahir-ditemui-di-belakang-kenderaan</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/28/bayi-cukup-sifat-dibuang-di-belakang-pacuan-empat-roda</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-ditemui-di-belakang-kenderaan/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Buletin TV3</p>	Negatif
9	<p>Bayi Maut Di Kelantan Bukan Disebabkan Strok Haba – KKM</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256180/berita/s emasa/bayi-maut-di-kelantan-bukan-disebabkan-strok-haba---kkm</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
10	<p>Wanita Maut Dalam Kebakaran</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-dalam-kebakaran-417505</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/30/wanita-maut-dapur-rumah-terbakar/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>FMT</p>	Negatif
11	<p>Malaysia Giat Perkasa Wanita, Namun Perlu Lebih Banyak Sokongan: Women In Tech</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/malaysia-giat-perkasa-wanita-namun-perlu-lebih-banyak-sokongan-women-in-tech-AJ10918998</p>	<p>The Sun Daily</p>	Neutral

12	<p>Ibu Tunggal Kini Terlantar Selepas Pembedahan Tulang Paha</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/ibu-tunggal-kini-terlantar-selepas-pembedahan-tulang-paha/</p>	Kosmo	Neutral
13	<p>'Ibu Kerap Menangis Sejak Yana Hilang'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/109594/1/ibu-kerap-menangis-sejak-yana-hilang?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p>	Berita Harian	Neutral
14	<p>Pasangan Warga Emas Tergamam Bumbung Rumah Diterbang Angina</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256315/edisi/selangor-kl/pasangan-warga-emas-tergamam-bumbung-rumah-diterbang-angin</p>	Sinar Harian	Neutral
15	<p>Bilik Terbakar, Wanita Warga Emas Melecur 90 Peratus</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/30/bilik-terbakar-wanita-warga-emas-melecur-90-peratus/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/663673</p>	Malaysia Gazette Malaysia Kini	Negatif
16	<p>Kes Warga Emas Mati Sendirian Dalam Rumah Membimbangkan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256239/berita/nasional/kes-warga-emas-mati-sendirian-dalam-rumah-membimbangkan</p>	Sinar Harian	Neutral

KES DERA: KPWKM BANTU DAFTAR KELAHIRAN ADIK TIRI MANGSA DERA – NANCY

<https://tvstv.my/2023/05/01/kes-dera-kpwkm-bantu-daftar-kelahiran-adik-tiri-mangsa-dera-nancy/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 1 Mei: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) membantu menguruskan proses pendaftaran kelahiran adik tiri kepada kanak-kanak yang maut disyaki menjadi mangsa dera ibu kandung dan bapa tirinya.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri memberitahu, proses pendaftaran tersebut akan diuruskan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Johor Bahru.

“Kita membantu menguruskan pendaftaran kelahiran adik tiri kanak-kanak tersebut sebab belum ada rekod pendaftaran kelahiran. Kemudian kita merujuk bapa saudara tiri kanak-kanak tersebut ke PKMD Johor Bahru bagi tujuan permohonan bantuan kanak-kanak untuk meringankan beban keluarga bapa saudara tiri itu.

“Ini kerana kita (kementerian) perlu membantu mendapatkan peruntukan untuk kegunaan membeli makanan dan perbelanjaan harian. Bahagian kanak-kanak juga telah menyatakan kita sependapat dengan tindakan yang diambil oleh PKMD Johor Bahru iaitu membantu bapa saudara tiri kanak-kanak itu,” katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Datu di Dewan Sebaguna Mahligai, Lundu, hari ini.

Majlis itu yang berlangsung dari jam 10 pagi hingga 3 petang menyaksikan kehadiran sekitar 2,500 pengunjung dari segenap lapisan masyarakat.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Datu, Azizul Annuar Adenan dan bekas ADUN Tanjong Datu, Datuk Amar Jamilah Anu.

Mengulas lanjut, Nancy mengesahkan setakat hari ini, kanak-kanak lelaki berusia enam bulan itu diletakkan di bawah jagaan bapa saudara tirinya.

Sabtu lalu, media tempatan melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun maut setelah mengalami kecederaan di bahagian kepala, telinga, perut dan kaki disyaki didera oleh kedua ibu bapanya menggunakan penyangkut baju.

Kedua-dua suspek telah direman di Mahkamah Johor Bahru dan kes di siasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 (Penganiayaan, Pengabaian, Pembuangan atau Pendedahan Kanak-kanak). – TVS

BAYI BARU LAHIR DITEMUKAN TEPI PAGAR KILANG, ADA KESAN GIGITAN SERANGGA

<https://selangorkini.my/2023/04/bayi-baru-lahir-ditemukan-tepi-pagar-kilang-ada-kesan-gigitan-serangga/>

Sumber : Selangor Kini



KUANTAN, 29 APRIL: Seorang bayi lelaki dipercayai baru dilahirkan ditemukan di atas kayu berhampiran tepi pagar sebuah kilang di Kampung Peramu, di sini hari ini dengan kesan gigitan serangga.

Ketua Polis Daerah Kuantan ACP Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan bayi itu oleh orang awam pada 12.10 tengah hari tadi.

Beliau berkata bayi berkenaan dijumpai oleh seorang wanita berusia 51 tahun yang memaklumkan terdengar tangisan kira-kira pukul 11.30 pagi sebelum bertindak mencari suara berkenaan.

“Wanita itu kemudiannya telah menjumpai bayi lelaki yang ditinggalkan lebih kurang 10 meter dari jarak rumah iaitu berhampiran tepi pagar kilang tersebut dan bayi itu diletakkan di atas kayu selain menyatakan bayi tersebut masih mempunyai tali pusat dan badannya dihinggap kerangga,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Wan Mohd Zahari berkata wanita itu telah meminta bantuan kenalannya untuk menghubungi polis bagi tindakan lanjut sebelum bayi itu dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) untuk mendapatkan rawatan.

“Doktor menganggarkan bayi itu dilahirkan kurang tiga jam sebelum ditemukan dan keadaannya kini stabil serta masih menerima rawatan di wad kanak-kanak HTAA,” katanya dan menambah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuantan sudah dimaklumkan berhubung penemuan bayi itu.

Sementara itu, beliau berkata siasatan mendapati suspek berkemungkinan telah melahirkan anaknya di lokasi lain dan bertindak menyembunyikan kelahiran dengan membuang bayi itu di tempat kejadian pada awal pagi tadi.

Katanya, siasatan lanjut masih dijalankan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan. –
BERNAMA

RIBUT DI PERLIS, 39 RUMAH ROSAK

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/62457-ribut-di-perlis-39-rumah-rosak>

Sumber : Berita RTM



KUALA PERLIS, 28 April- Sebanyak 39 rumah rosak akibat bumbung diterbangkan angin serta dihempap pokok tumbang susulan kejadian angin kencang dan hujan lebat yang melanda Perlis, semalam.

Tinjauan media di Kuala Perlis dan Simpang Empat mendapati 14 kawasan dikenal pasti terlibat sekitar Arau dan Kangar

Antara kawasan terlibat ialah Kampung Behor Mentalon, Kampung Sungai Berembang, Kampung Behor Masjid dan Kampung Chemumar.

Selain itu, Kampung Padang Besar Selatan, Kampung Tok Kaya, Kampung Behor Mali, Kampung Titi Tok Bandar, Kampung Sungai Baru, Seriab, Simpang Empat, Tambun Tulang, Long Boh dan Kayang

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Mohd Nazim Mohd Noor memaklumkan, pihaknya kini sedang menyelaras serta mengemaskini anggaran sebenar kerosakan setiap rumah terlibat berdasarkan laporan polis yang diterima dan tinjauan ke setiap rumah terjejas.

"Kami di pihak MAIPs mengucapkan takziah kepada semua yang terlibat dan kami berharap semua pihak dapat sama-sama menyalurkan maklumat kepada kami dan juga agensi kerajaan lain agar bantuan dapat dilaksanakan segera," katanya kepada pemberita di sini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Perlis, Abu Bakar Hamzah berkata selain rumah, gerai-gerai peniaga di pesisiran pantai Pulau Ketam, Kurung Tengar dan kawasan Sungai Berembang turut terjejas.

"Kerajaan negeri akan dibantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), MAIPs dan beberapa agensi lain bagi membantu mangsa terlibat," katanya.

Sebanyak enam buah rumah dari keseluruhan 39 buah yang terjejas akan diberikan bantuan oleh MAIPs berikutan kerosakan teruk yang dialami, manakala baki rumah terjejas akan diberikan bantuan oleh JKM

Bagi membersihkan rumah yang dihempap pokok, Angkatan Pertahanan Awam (APM) turut menggerakkan anggota ke kawasan terjejas bagi memotong dan mengalih pokok tumbang.



(Tinjauan media di Kuala Perlis dan Simpang Empat mendapati 14 kawasan dikenal pasti terlibat sekitar Arau dan Kangar)

KES KEEMPAT KANAK-KANAK LEMAS AKIBAT KELALAIAN PENJAGA

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/962139/kes-keempat-kanak-kanak-lemas-akibat-kelalaian-penjaga>

Sumber : Harian Metro



Ipoh: Sesi menziarahi ahli keluarga di rumah datuk bertukar tragedi apabila kanak-kanak perempuan berumur tiga tahun ditemukan lemas oleh abangnya dalam kolam renang yang terletak di tepi kediaman jiran di Tambun, di sini, petang semalam.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, kejadian itu adalah kes keempat kematian akibat lemas membabitkan kanak-kanak di bandaraya ini pada tahun ini yang berpunca akibat ditinggalkan ibu bapa atau penjaga tanpa pengawasan sepatutnya.

Mohd Yusri berkata, kematian kanak-kanak terbabit disahkan pihak Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) selepas dibawa oleh warisnya sejourus dijumpai oleh abang mangsa dalam keadaan terapung dalam kolam renang jam 6.30 petang semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian, mangsa bersama ibunya berada di dalam rumah lot berkenaan kerana menziarahi ahli keluarga, manakala bapa mangsa keluar menghantar saudara balik ke tempat penginapan lain.

"Mangsa dijumpai oleh abangnya dalam keadaan terapung di dalam kolam renang kanak-kanak sebelum dihantar oleh warisnya ke HRPB untuk rawatan.

"Pada jam 9.25 malam tadi, polis menerima maklumat daripada pihak HRPB kematian kanak-kanak itu akibat lemas. Bedah siasat oleh Jabatan Forensik pada hari ini turut mendapati punca kematian mangsa adalah lemas," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Mohd Yusri berkata, sehubungan itu, kes disiasat mengikut Seksyen 33(1) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) iaitu kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau kedua-duanya.

"Polis amat memandang serius perkara ini dan akan mengambil tindakan undang-undang tegas terhadap ibu bapa atau penjaga yang membiarkan kanak-kanak bawah jagaan masing-masing tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan sehingga menyebabkan kemalangan jiwa," katanya.

Pada 26 April lalu, media melaporkan seorang perempuan berusia 21 bulan ditemui lemas dalam kolam renang kanak-kanak ketika datang menziarahi bersama ibu dan bapanya ke kediaman datuk mangsa di Tambun, di sini.

WARGA EMAS, BAYI DAN KANAK-KANAK BERISIKO TINGGI KETIKA CUACA PANAS

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1095164/warga-emas-bayi-dan-kanak-kanak-berisiko-tinggi-ketika-cuaca-panas>


Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Individu berumur 65 tahun ke atas, bayi dan kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah antara individu berisiko tinggi ketika cuaca panas melampau yang melanda negara sekarang.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, golongan berisiko itu turut membabitkan ibu hamil dan wanita yang menyusukan anak serta penghidap penyakit kronik termasuk darah tinggi, kencing manis dan penyakit pernafasan.

"Beberapa kawasan di Malaysia dilanda cuaca panas dengan suhu yang tinggi sejak kebelakangan ini.



"Fenomena cuaca panas ini memberi kesan kepada kesihatan seperti boleh mengakibatkan strok haba apabila terdedah kepada keadaan ini secara berterusan.

"Terdapat beberapa golongan yang berisiko tinggi apabila terdedah kepada cuaca panas disebabkan faktor umur, jenis pekerjaan dan status kesihatan yang perlu diberi perhatian.

"Susulan itu, langkah bagi mengurangkan pendedahan terhadap cuaca panas perlu diambil untuk mengurangkan kesan terhadap kesihatan," katanya dalam Twitter, hari ini.

Menerusi infografik dikongsikan KKM, kementerian itu turut menyatakan golongan berisiko itu termasuk pekerja yang terdedah kepada suhu panas seperti petani, buruh, pelombong dan peladang serta individu yang aktif contohnya ahli sukan.

IBU TIDAK SEDAR KANAK-KANAK TIGA TAHUN LEMAS DALAM KOLAM RENANG

<https://tvstv.my/2023/05/01/ibu-tidak-sedar-kanak-kanak-tiga-tahun-lemas-dalam-kolam-renang/>

Sumber : TVSTV

IPOH, 1 Mei: Seorang budak perempuan berusia tiga tahun mati lemas di dalam sebuah kolam renang ketika keluarga mangsa berkunjung ke rumah datuknya di Tambun di sini semalam.

Mangsa ditemukan tidak sedarkan diri di dalam kolam renang di tepi sebuah rumah lot milik jiran datuknya pada kira-kira 6.30 petang.

Menurut Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, kejadian berlaku ketika mangsa bersama keluarga pergi menziarahi saudara-mara.

Ujar beliau, kejadian berlaku ketika mangsa berada di rumah itu bersama ibunya, manakala bapa mangsa keluar menghantar saudara balik ke tempat penginapan.

“Kanak-kanak itu dijumpai abangnya dalam keadaan terapung di dalam kolam renang kanak-kanak sebelum dihantar ke hospital,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mohd Yusri berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu selepas dimaklumkan pihak Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) pada 9.25 malam tadi.

Bedah siasat dijalankan oleh Jabatan Forensik HRPB hari ini dan punca kematian adalah akibat lemas.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 33(1) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.

Ujar beliau, kejadian berkenaan merupakan kes keempat mati lemas melibatkan mangsa kanak-kanak di Ipoh pada tahun ini yang berpunca tidak ada pengawasan ibu bapa.

“Polis amat memandang serius perkara ini dan akan mengambil tindakan undang-undang tegas terhadap ibu bapa atau penjaga yang membiarkan kanak-kanak bawah jagaan mereka tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan hingga menyebabkan kemalangan jiwa,” katanya. – TVS

KANAK-KANAK MAUT JATUH DARI TINGKAT 11

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/961324/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-11>

Sumber : Harian Metro



Subang Jaya: Kanak-kanak berusia empat tahun maut selepas terjatuh dari tingkat 11, Kuarters Polis, USJ 8, di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, kejadian berlaku pada jam 11.35 pagi ketika ibu mangsa berada di dapur.

"Mangsa berusia empat tahun adalah anak pertama dari dua orang adik beradik. Ibu bapa mangsa adalah anggota polis yang tinggal di kuarters berkenaan.

"Menurut ibu mangsa sebelum kejadian dia berada di bahagian dapur manakala anak-anaknya bermain di ruang tamu.

"Namun ibunya terdengar bunyi pintu bilik bahagian tengah tertutup dengan kuat dan cuba membuka pintu dari luar tetapi gagal kerana pintu terkunci," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, ibu mangsa turut mendengar anaknya meminta tolong sebelum dia ke bilik sebelah untuk melihat dari luar tingkap.

"Apabila melihat dari luar tingkap ibu mangsa mendapati anaknya terjatuh ke bawah.

"Siasatan di tempat kejadian mendapati mangsa maut terjatuh dari tingkat 11. Pihak Forensik dan pegawai dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling tiba di tempat kejadian dan mengesahkan mangsa sudah meninggal dunia,"katanya.

Wan Azlan berkata, siasatan lanjut di tempat kejadian mendapati tiada sebarang unsur-unsur jenayah dan kes diklasifikasi sebagai mati mengejut (SDR).

"Mayat mangsa dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Serdang bagi proses bedah siasat bagi mengetahui punca kematian sebelum dituntut ahli keluarga," katanya.

BAYI PEREMPUAN BARU LAHIR DITEMUI DI BELAKANG KENDERAAN

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1095019/bayi-perempuan-baru-lahir-ditemui-di-belakang-kenderaan>

Sumber : Berita Harian



KENINGAU: Seorang bayi perempuan sempurna sifat dipercayai baru dilahirkan, ditemui di belakang kenderaan pacuan empat roda di Kampung Susulat, Sook, di sini, Selasa lalu.

Bayi yang masih bertali pusat itu ditemui oleh orang awam di dalam plastik merah, pada jam 12.30 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Keningau, Deputy Superintenden Nor Rafidah Kasim, berkata pihaknya menerima laporan berhubung kejadian pada jam 4.41 petang, memaklumkan seorang bayi ditemui di kampung berkenaan.

Katanya, bayi itu masih bertali pusat dan ditemui di belakang sebuah kenderaan pacuan empat roda Mazda.

"Pengadu kemudian membawa bayi itu masuk ke dalam rumah sebelum dibawa ke Klinik Kesihatan Sook untuk mendapatkan rawatan.

"Bayi berkenaan dalam keadaan stabil dan dihantar ke Hospital Keningau untuk mendapatkan rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes diminta menghubungi pegawai penyiasat Inspektor Ho di talian 014-6304299," katanya.

BAYI MAUT DI KELANTAN BUKAN DISEBABKAN STROK HABA – KKM

<https://www.sinarharian.com.my/article/256180/berita/semasa/bayi-maut-di-kelantan-bukan-disebabkan-strok-haba---kkm>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Hanya satu kes kematian akibat strok haba di Kelantan melibatkan kanak-kanak berusia 11 tahun manakala kematian bayi berusia 19 bulan di negeri itu bukan disebabkan strok haba seperti dilaporkan media, demikian menurut Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata, hasil siasatan awal pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan mendapati penyebab kematian kanak-kanak berusia 11 tahun adalah heat stroke with severe dehydration.

”Kematian bayi berusia 19 bulan pula disebabkan severe dehydration with underlying sepsis dan bukan disebabkan strok haba sebagaimana laporan media,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Menurut beliau, sehingga hari ini terdapat lima kes penyakit berkaitan cuaca panas dilaporkan dengan tiga kes dilaporkan di Sarawak melibatkan dua kes kekejangan haba dan satu kes kelesuan haba.

Dr Muhammad Radzi berkata, pendedahan kepada cuaca panas dalam tempoh lama dan kurang minum air boleh memudaratkan kesihatan terutamanya kepada golongan yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, golongan warga emas dan mereka yang mempunyai penyakit kronik.

Beliau berkata, gejala penyakit akibat cuaca panas melampau adalah sakit kepala, keletihan, kurang tumpuan, pening, lemah-lemah otot atau kekejangan, rasa mual dan keadaan yang terlalu teruk boleh mengakibatkan dehidrasi, kekeliruan dan tidak sedarkan diri atau koma.

Justeru, beliau mengingatkan orang ramai terutamanya mereka yang menyambut perayaan Aidilfitri atau bercuti ketika cuaca panas ini supaya mengambil langkah pencegahan termasuk

merancang aktiviti beraya atau ziarah dan elakkan waktu puncak cuaca panas antara jam 11 pagi hingga 4 petang.

"Banyakkan minum air kosong walaupun tidak berasa dahaga sekurang-kurangnya lapan gelas sehari bagi mengekalkan tahap hidrasi untuk mengawal atur suhu badan. Kurangkan minum air manis, berkafein dan berkarbonat kerana ia tidak baik untuk hidrasi badan.

"Golongan berisiko tinggi seperti bayi, kanak-kanak dan warga emas, perlu dipastikan minum air secukupnya bagi mengelakkan dehidrasi serta awasi gejala keletihan dalam kalangan bayi, kanak-kanak dan warga emas kerana mereka mungkin mengalami dehidrasi tanpa disedari," katanya.

Orang awam boleh mendapatkan maklumat terkini status cuaca panas di laman sesawang MetMalaysia (<https://www.met.gov.my/iklim/status-cuacapanas/>) dan langkah pencegahan di laman sesawang KKM (<http://www.myhealth.gov.my/cuaca-panas-a-kesihatan>). – Bernama

WANITA MAUT DALAM KEBAKARAN

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-dalam-kebakaran-417505>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Seorang wanita maut dalam kebakaran membabitkan ruang dapur sebuah rumah kedai di Taman Overseas Union di sini, pada Ahad.

Komander operasi, Pegawai Bomba Kanan II, Mohd Khairul Nizat Mohammad Rokhi berkata, mangsa berusia 47 tahun itu ditemukan telah meninggal dunia di dalam bilik di kediaman itu.

"Pusat Gerakan Operasi Kuala Lumpur menerima panggilan kecemasan pada jam 8.43 pagi. Sepasukan sembilan anggota dan pegawai bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Sri Petaling bergegas ke lokasi kejadian.

"Setibanya pasukan bomba di lokasi kejadian, kebakaran telah dipadamkan oleh orang awam melibatkan ruangan dapur dalam rumah kedai tersebut," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mohd Khairul Nizat berkata, keluasan ruangan dapur dianggarkan 0.93 X 0.93 meter persegi.

"Kemusnahan kebakaran dianggarkan 100 peratus, punca kejadian masih dalam siasatan," katanya. -- *Sinar Harian*

MALAYSIA GIAT PERKASA WANITA, NAMUN PERLU LEBIH BANYAK SOKONGAN: WOMEN IN TECH

<https://www.thesundaily.my/cerita/berita/malaysia-giat-perkasa-wanita-namun-perlu-lebih-banyak-sokongan-women-in-tech-AJ10918998>

Sumber : The Sun Daily



KUALA LUMPUR: Negara-negara yang berhasrat untuk mencapai kemajuan ekonomi, perlu mengiktiraf kepentingan penyertaan golongan wanita dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik (STEAM), kata pertubuhan bukan berkeuntungan global, Women In Tech.

Pengarah Negara pertubuhan itu, Yuki Aizawa berkata biarpun dilihat progresif dalam usaha memperkasa hak wanita, Malaysia sebaliknya tidak mempunyai sokongan mencukupi yang diperlukan dalam memastikan kemampuan wanita untuk cemerlang dalam STEAM serta bidang lain menerusi persekitaran yang selamat dan saksama.

“Wanita adalah kelompok sumber yang tidak banyak dimanfaatkan. Di Malaysia misalnya, banyak syarikat-syarikat besar yang sudah mula mengiktiraf kepimpinan wanita susulan ketetapan ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) dan matlamat pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dapat diukur.

“Organisasi sedemikian tiada pilihan kecuali menghasilkan laporan kemampuan dan ketelusan termasuk maklumat seperti data skala gaji, jurang bayaran mengikut jantina, penggajian dan pembuangan pekerja.

“Menerusi faktor ‘terpaksa’ seperti ini akan mendorong kepada perubahan budaya dan wanita akan mempunyai ruang untuk bersuara dan membincangkan isu-isu secara bebas,” katanya.

Beliau berkata, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan 98.5 peratus daripada semua perniagaan di Malaysia, masih menyaksikan jurang besar yang perlu ditampung dengan sistem sokongan mandatori.

Ini termasuk rangka kerja undang-undang, dasar dan libat urus dengan pihak berkepentingan bagi memastikan wanita mendapat sokongan saksama dalam perjalanan kerjaya mereka.

“Sebagai contoh, jika terdapat keperluan seorang wanita dan 10 lelaki bekerja di bidang teknikal dan perlu bekerja lebih masa, ini sudah pasti menjadi ruang kurang selamat untuk wanita tersebut. Sehubungan itu, mandat seperti (peraturan) berkaitan dengan anti-gangguan seksual perlu dilaksanakan,” katanya.

Bagi cawangannya di Malaysia, Aizawa berkata pihak Women in Tech sentiasa berusaha untuk menghubungkan serta menyokong golongan wanita menerusi acara jaringan serta program komuniti.

“Apa perlunya kita melahirkan lebih banyak pemimpin wanita untuk menghapuskan jurang (antara gender)? Ini disebabkan kita telah melihat wujudnya trend membuat keputusan lebih baik serta prestasi syarikat secara keseluruhannya yang turut bertambah baik. Malah, ini disebabkan wanita juga mampu melakukan perkara sama, jika tidak lebih baik, dalam industri tertentu.

“Pelajar perempuan juga misalnya dapat mencatat prestasi lebih baik berbanding lelaki di sekolah. Namun, data menunjukkan hanya 34 peratus daripada siswazah STEAM adalah wanita di negara ini.

“Dari segi tenaga kerja, wanita adalah 35 peratus dalam kelompok ekonomi digital dan 55 peratus dalam keseluruhan ekonomi,” katanya.

Beliau berkata, maklumat STEAM /Indeks Jurang Gender Global 2022 menunjukkan wanita adalah 33 peratus daripada tenaga kerja pada 2022 namun hanya memegang 25 peratus jawatan kepimpinan di 20 syarikat teknologi global terbesar.

Justeru, Aizawa menekankan kepentingan keperluan sokongan terhadap wanita dalam usaha melanjutkan lagi pembangunan diri.

Sebarang jurang seperti budaya keluarga, kekurangan wanita yang boleh dijadikan contoh, berhenti kerja awal/cabaran kembali bekerja dan kecenderungan yang tidak disedari, perlu ditangani dengan anjakan minda komuniti secara beransur-ansur.

Women In Tech berpangkalan di Perancis dan diwakili di 45 negara/cawangan serta menasaskan impak menerusi pembangunan kemahiran dan keyakinan selain mempersiapkan wanita untuk mencipta kejayaan.

Cawangan tempatan di Malaysia telah dilancarkan setahun lepas dan menumpukan aspek pendidikan, perniagaan (keusahawanan), nasihat dan keterangkuman sosial yang melibatkan projek memperkasa kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40). – Bernama

IBU TUNGGAL KINI TERLANTAR SELEPAS PEMBEDAHAN TULANG PAHA

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/ibu-tunggal-kini-terlantar-selepas-pembedahan-tulang-paha/>

Sumber : Kosmo



HULU TERENGGANU – Seorang ibu warga emas tidak menyangka anak perempuannya yang dahulu bekerja sebagai pensyarah kini terlantar akibat kanser payudara tahap empat.

Senah Mat Zin, 72, berkata, kanser itu telah merebak ke tulang paha kanan Noorain Farhanah Abdul Ghani, 36, sehingga terpaksa dipotong pada Ogos tahun lalu.

“Sebelum ini, dia yang merupakan anak kelima daripada enam beradik merupakan pensyarah di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah.

“Pada mulanya, tahap kesihatannya terganggu akibat terjatuh pada Mac tahun lalu sebelum pemeriksaan lanjut di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu mengesahkan dia menghidap kanser payudara tahap empat,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Felda Tersat, Ajil di sini baru-baru ini.

Senah berkata, kanser itu kemudian merebak sehingga paha kanan Noorain Farhanah yang merupakan ibu tunggal itu terpaksa dibuang menerusi pembedahan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan lapan bulan lalu.

Tambah wanita warga emas itu, tulang paha sepanjang 12 sentimeter tersebut terpaksa digantikan dengan besi.

“Sejak itu, Noorain Farhanah hanya terlantar di atas katil dan memerlukan penjagaan khas, selain memakai lampin pakai buang.

“Kebajikan anak perempuan tunggalnya, Ade Nur Ariyana Abd. Fattah, 8, termasuk persekolahannya banyak diuruskan salah seorang anak lelaki saya,” katanya.

Senah berkata, perbelanjaan bulanan perubatan Noorain Farhanah termasuk membeli ubat mencairkan darah dan lampin pakai buang mencecah RM1,000 sebulan.

Tambahnya, ia belum termasuk kos menyewa ambulans dan dan inap desa setiap kali temujanji rawatan susulan di HUSM dan HSNZ.

“Setakat ini, kos tersebut masih ditampung oleh gaji penuh bulanan yang masih diterima anak saya.

“Begitupun, saya dimaklumkan gaji bulanan mungkin akan dipotong dalam tempoh terdekat ekoran sudah lama tidak bekerja,” katanya.

Orang ramai yang bersimpati boleh menghulur bantuan menerusi akaun bank Noorain Farhanah bernombor **163037113452** (Maybank) atau menghubunginya di talian **011-255 78203**.

'IBU KERAP MENANGIS SEJAK YANA HILANG'

https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1095941/ibu-kerap-menangis-sejak-yana-hilang?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Seorang kakak merayu bantuan orang ramai untuk mengesan adik perempuannya yang hilang dari kediaman mereka di Meru, Klang, Selangor sejak Jumaat lalu.

Nur Amira Natasya Noor Sazli, 20, berkata keluarga terutama ibunya amat bimbang keselamatan adiknya, Nur Adriana Natasya, 17, selepas disedari hilang oleh ibunya kira-kira jam 5 pagi.

Lebih membimbangkan keluarganya, Nur Adriana Natasya yang mesra dipanggil Yana adalah seorang remaja yang menghidap disleksia dan Kecelaruhan Hiperaktif Kurang Daya Tumpuan (ADHD).

"Sebelum itu kami sempat pulang beraya di kampung ibu di Perak dan pada Khamis lalu, kami ada keluar bersama-sama ibu serta adik bongsu perempuan berusia 11 tahun.

"Kami pulang ke rumah dan Yana kelihatan seperti biasa sahaja, tidak menunjukkan sebarang kelainan sebelum kami semua masuk tidur. Seperti kebiasaan, Yana akan tidur sebilik dengan ibu.

"Namun keesokannya paginya, kira-kira jam 5 pagi ketika ibu bangun untuk bersiap pergi bekerja, Yana didapati tiada dalam bilik dan kami cuba mencari di kawasan rumah namun tidak jumpa," katanya kepada BH, hari ini.

Nur Amira berkata, Yana didapati keluar dengan sehelai sepinggang dan hanya membawa telefon bimbit.

Katanya, seluruh keluarga cuba hubungi telefon bimbit Yana beberapa kali tetapi dia gagal dihubungi sehingga ibunya terpaksa buat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara.

"Kami juga cuba mengesan lokasinya menggunakan aplikasi Google, tetapi gagal kerana lokasinya dimatikan. Namun sebelum ini kami ada berjaya mengesan lokasi terakhirnya iaitu di Ampang dan Damansara.

"Selain itu, saya juga ada cuba menghubungi rakan-rakan terdekat namun tiada yang mengetahui di mana keberadaannya. Kini kami cuba mencari berdasarkan bantuan orang ramai yang mungkin ada ternampak dia," katanya.

Nur Amira berkata, selepas empat hari Yana hilang, perasaan ibunya semakin tertekan sehingga dia kerap menangis sebab bimbangkan keselamatan adiknya itu.

"Ibu saya adalah ibu tunggal dan dia rasa bertanggungjawab jika ada perkara buruk berlaku pada Yana. Perkara itu juga yang membuatnya berasa amat tertekan.

"Saya bersama keluarga terdekat dan saudara-maranya yang lain akan terus cuba mencari Yana dan pada masa sama, saya berharap orang ramai juga dapat membantu kami mencari Yana," katanya.

Nur Amira berkata, sekiranya ada sesiapa yang ternampak adiknya itu diharap dapat menghubungi ahli keluarganya di talian 011-12824718 atau 018-9464813 untuk menyalurkan maklumat.

PASANGAN WARGA EMAS TERGAMAM BUMBUNG RUMAH DITERBANG ANGINA

<https://www.sinarharian.com.my/article/256315/edisi/selangor-kl/pasangan-warga-emas-tergamam-bumbung-rumah-diterbang-angin>

Sumber : Sinar Harian



TANJONG KARANG - Sepasang suami isteri warga emas tergamam selepas bumbung rumah mereka diterbangkan angin kuat ketika hujan lebat di Kampung Sungai Yu di sini pada Khamis lalu.

Dul Jalil Mahmud, 70, berkata, kejadian jam 6.50 petang itu berlaku sewaktu dia dan isterinya, Jamiah Mustamar, 64, sedang sibuk mengemas di dapur.

"Kebetulan sebelum kejadian, rumah kami dikunjungi tetamu yang datang beraya dan tidak lama selepas mereka pulang, saya terdengar bunyi dentuman kuat.

"Pada mulanya saya ingat bunyi guruh atau petir, tetapi sangkaan saya meleset selepas melihat bumbung ruang tamu rumah tercabut dan air hujan mula masuk ke dalam rumah," katanya kepada Sinar Harian.

Bekas Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar turut berkesempatan menziarahi dan memberikan sumbangan baik pulih rumah kepada Dul Jalil dan keluarganya pada Ahad.



Noh (tiga dari kiri) menziarahi Dul Jalil (dua dari kanan) selepas rumah pasangan warga emas itu dilanda angin kencang ketika hujan lebat di Kampung Sungai Yu di sini pada Khamis lalu.

Menceritakan lanjut detik cemas itu, Dul Jalil memberitahu, kejadian itu berlaku dalam sekelip mata sahaja dan bersyukur kerana dia dan isteri selamat.

"Semuanya berlaku secara tiba-tiba dan nasib baik bumbung rumah terangkat di bahagian atas dan kalau jatuh ke bawah saya risau lebih banyak kerosakan kami alami.

"Kebetulan pula, saya baru saja ganti kerusi plastik di ruang tamu, manakala perabot seperti sofa saya alihkan ke dapur," jelasnya.

Sementara itu, Noh berkata, sumbangan peribadi disalurkan kepada Dul Jalil bagi kerja-kerja baik pulih rumah yang dijangka siap sepenuhnya dalam waktu terdekat.

Katanya, sumbangan itu diharap dapat meringankan beban keluarga terbabit terutama semasa sambutan Aidilfitri ini.

"Saya bersimpati dengan nasib dialami keluarga ini lebih-lebih lagi rumah ini menjadi tempat mereka berteduh," jelas Noh.

BILIK TERBAKAR, WANITA WARGA EMAS MELECUR 90 PERATUS

<https://malaysiagazette.com/2023/04/30/bilik-terbakar-wanita-warga-emas-melecur-90-peratus/>

Sumber : Malaysia Gazette



JOHOR BAHRU – Seorang wanita warga emas melecur 90 peratus selepas bilik di bahagian tingkat atas kediamannya di Taman Pelangi Indah, di sini, terbakar, awal pagi tadi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Johor Jaya, Saifulbahri Safar berkata, wanita berusia 60 tahun itu dikejarkan ke Hospital Sultan Ismail dengan jentera Perkhidmatan Penyelamatan Perawatan Kecemasan (EMRS) untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Beliau berkata, terdahulu, Pusat Gerakan Operasi (PGO) negeri menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada 3.11 pagi tadi sebelum 14 orang anggota digegaskan ke lokasi kejadian.

“Dalam kejadian itu, anak perempuan mangsa yang berusia 36 tahun turut melecur kira-kira dua peratus di tapak tangan serta dagu dan menerima rawatan di hospital yang sama,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, operasi pemadaman menggunakan satu aliran salur bantu mula air tangki pam jentera sehingga api berjaya dipadamkan sepenuhnya.

Operasi berjaya ditamatkan sepenuhnya pada 6.02 pagi tadi, kata Saifulbahri. – Bernama

KES WARGA EMAS MATI SENDIRIAN DALAM RUMAH MEMBIMBANGKAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/256239/berita/nasional/kes-warga-emas-mati-sendirian-dalam-rumah-membimbangkan>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Kerajaan digesa untuk memberi langkah penjagaan efektif kepada warga emas yang tinggal bersendirian susulan terdapat kes melibatkan golongan tersebut yang ditemui meninggal dunia di sebuah rumah yang berkunci di Muar, Johor pada 24 April lalu.

Menurut Setiausaha Wanita Pusat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Loh Ker Chean, peristiwa malang berkenaan sewajarnya menjadi isyarat bahawa insiden kematian warga emas yang hidup sebatang kara tanpa pengetahuan keluarga dan masyarakat di sekeliling bukan perkara asing lagi.

Jelasnya, kerajaan tempatan, negeri atau Persekutuan harus memberikan tumpuan utama kepada aspek kebajikan golongan tersebut yang hidup bersendirian.

“Bagi tujuan ini, sebagai cadangan pertama, kerajaan boleh menggalakkan dan membantu pemasangan atau penggunaan ‘butang panik’ di rumah-rumah warga emas yang tinggal bersendirian secara percuma.

“Butang panik ini yang boleh dipasang di dinding atau dipakai oleh warga emas berfungsi untuk menghubungi pihak polis dengan segera apabila seseorang warga emas memerlukan bantuan kecemasan,” katanya dalam satu hantaran Facebook pada Sabtu.

Ker Chean menambah, turut dicadangkan bagi komuniti setempat dan pihak berkuasa tempatan supaya mengumpulkan data warga emas yang tinggal secara bersendirian dan memeriksa keadaan mereka dari masa ke masa melalui panggilan telefon atau ziarah secara fizikal secara berkala.

“Di peringkat Persekutuan, kerajaan boleh mengukuhkan sistem sokongan penjagaan kesihatan dan kebajikan yang holistik dan berpatutan secara dalam komuniti untuk keperluan golongan warga emas.

“Ketiga-tiga cadangan ini boleh menjadi titik mula untuk kita bersama-sama memberikan perhatian dan mengutamakan aspek kesejahteraan golongan warga emas yang tentu sekali banyak sumbangannya kepada keluarga, masyarakat dan negara,” jelasnya.